

HENTIKAN PENYERTAAN MALAYSIA KE DALAM UPOV SEKARANG – LINDUNGI BENIH TANAMAN KITA, MAKANAN KITA, MASA DEPAN KITA

HENTIKAN PENYERTAAN MALAYSIA KE DALAM UPOV SEKARANG – LINDUNGI BENIH TANAMAN KITA, MAKANAN KITA, MASA DEPAN KITA

Kepada Kerajaan Malaysia, Ahli-ahli Parlimen, dan semua rakyat Malaysia,

Kami, yang bertandatangan di bawah – petani, masyarakat pribumi, pengguna, organisasi masyarakat sivil, dan warganegara yang prihatin – menyeru Kerajaan Malaysia untuk menghentikan pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634) untuk menyertai Konvensyen UPOV.

Mengapa kita perlu katakan TIDAK kepada Akta UPOV 1991?

UPOV bermaksud International Union for the Protection of New Varieties of Plants. UPOV berpangkalan di Geneva, Switzerland. Ia ditubuhkan pada tahun 1961 oleh negara-negara Eropah atas desakan syarikat-syarikat benih Eropah dan bukan sebahagian daripada UN atau WTO. Negara yang ingin menyertai Konvensyen UPOV mesti terlebih dahulu menghantar undang-undang perlindungan varieti tumbuhan (PVP) negara kepada sekretariat UPOV untuk disemak dan dicadangkan pindaan terhadap undang-undang PVP tersebut agar selari dengan akta UPOV 1991. Pindaan inilah yang dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk dibentangkan di Parlimen Malaysia pada awal tahun 2026. Tindakan oleh pihak KPKM ini bertentangan dengan kedaulatan parlimen dan mengehadkan ruang dasar untuk melaksanakan langkah-langkah menjaga kepentingan negara termasuk petani tempatan dan orang awam umumnya. UPOV mempunyai templat tegar untuk pindaan yang mesti diikuti dan tiada fleksibiliti diberikan kepada Negara.

Antara ciri Konvensyen UPOV 1991 adalah;

1. Hak monopoli yang meluas (20-25 tahun) diberikan kepada pembiak baka varieti baru tumbuhan yang bercirikan “new, distinct, uniform and stable. Tumpuan diberikan kepada ciri keseragaman varieti tersebut.
2. Hak Peladang sangat terhad. Petani tiada hak untuk menyimpan, menggunakan, berkongsi dan menjual benih tanaman yang dituai dari ladangnya sendiri secara bebas.
3. Hak menyimpan benih terhad kepada tanaman tertentu dan mungkin tertakluk kepada pembayaran royalti.
4. Tidak membenarkan sebarang peruntukan untuk melindungi kepentingan awam, untuk menghadkan import benih varieti baharu yang dilindungi, termasuk bagi tujuan mengawal sebarang masalah lambakan di pasaran tempatan dan untuk memastikan undang-undang negara adalah saling menyokong, “mutually supportive”.
5. Tidak membenarkan mekanisme yang menghalang bio-piracy sumber genetik tempatan. Contohnya menggunakan varieti tempatan untuk pembiakan selanjutnya tanpa mendapat kebenaran komuniti tempatan dan membayar perkongsian faedah yang adil dan saksama. Secara umum, UPOV 1991 memperuntukkan kerangka perundangan yang tegar di mana kerajaan mempunyai ruang yang sangat kecil untuk melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi kepentingan petani lokal dan orang awam.

Rangka kerja UPOV memberikan hak yang berlebihan kepada pembiak baka komersial, sambil menyekat hak petani yang telah lama wujud untuk menyimpan, menggunakan semula, menukar dan menjual benih dari ladang mereka sendiri.

Jika Malaysia menerima pakai model UPOV 1991, ia akan:

1. Menjenayahkan amalan penyimpanan dan pertukaran benih secara bebas dalam kalangan petani, komuniti Orang Asal, dan masyarakat Malaysia.
2. Memperkecilkan peranan petani berskala kecil dalam melindungi biodiversiti tempatan dan kepelbagaian benih;
3. Menumpukan kawalan benih – asas kehidupan – di tangan beberapa syarikat (monopoli);
4. Meningkatkan kos benih, yang akan menyebabkan harga makanan meningkat; dan
5. Menjadikan makanan yang sihat dan berpatutan lebih sukar untuk diakses oleh rakyat Malaysia, memburukkan lagi keterjaminan makanan dan kesihatan awam.
6. Makanan bukanlah komoditi – ia adalah hak kita. Benih adalah penghubung pertama dalam rantai makanan kita. Apabila kawalan ke atas benih hilang, kedaulatan makanan, budaya dan kesihatan kita berisiko terancam. Komuniti yang telah melindungi dan berkongsi benih selama beberapa generasi tidak boleh disaman.

Kami percaya undang-undang semasa Malaysia mesti dikekalkan. Akta PNPV 2004 yang sedia ada adalah satu sistem 'sui generis' dengan ciri-ciri unik yang lebih seimbang untuk melindungi kepentingan negara serta petani kecil.

Ciri-ciri unik tersebut adalah;

1. Pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap penghasilan varieti baharu tumbuhan. Bermakna Akta PNPV 2004 mengiktiraf sistem benih petani yang kebiasaannya menghasilkan kriteria varieti yang berbeza daripada kriteria pendaftaran pembiak baka komersial untuk pendaftaran varieti baharu.
2. Membenarkan petani menyimpan, menggunakan, berkongsi dan menjual benih dan bahan percambahan tanaman dari ladang mereka kepada petani-petani lain dalam situasi di mana petani tersebut ada lebih biji benih selagi ia bukan untuk tujuan komersial.
3. Mensyaratkan pemohon hak pembiak baka mengisytiharkan sumber genetik atau garis keturunan varieti baharu tersebut dengan keizinan bertulis daripada pihak berkepentingan dan pematuhan kepada undang-undang akses, perkongsian faedah dan bio-keselamatan. Ini bagi menangani "bio-piracy".
4. Mewajibkan pemegang hak pembiak baka mendepositkan sampel di Malaysia, juga bagi menangani "bio-piracy" dan memastikan pihak kerajaan dapat membekalkan varieti tersebut kepada awam jika ada keperluan mendesak (compulsory licence).
5. Mensyaratkan pemegang hak pembiak baka menetapkan harga yang berpatutan dan menyediakan kuantiti yang mencukupi bagi varieti baharu tersebut.
6. Memberi kuasa kepada kerajaan untuk tidak meluluskan pendaftaran sesuatu varieti atas kepentingan awam seperti tanaman invasif atau merbahaya.
7. Pindaan yang dicadangkan akan menghapuskan ciri-ciri unik yang seimbang diatas dan memberikan monopoli yang lebih luas kepada syarikat-syarikat benih dan pembiak baka tumbuhan.

Kami menuntut agar:

1. Kerajaan Malaysia menolak model UPOV 1991 dan menghentikan proses pindaan yang dicadangkan kepada Akta PNPV 2004 (Akta 634).
2. Sebarang undang-undang atau dasar benih dibangunkan melalui perundingan yang telus dan inklusif dengan petani, masyarakat pribumi, masyarakat sivil dan pengguna.
3. Menambah baik Akta 634 agar lebih berpusatkan rakyat, yang menggalakkan sistem benih petani, agroekologi dan pengeluaran makanan yang mampan.

Makanan kita, benih kita, kedaulatan kita.

Bersatu melindungi hak setiap rakyat Malaysia untuk makanan yang sihat, harga berpatutan dan bermakna dari segi budaya. Ditanam daripada benih yang kekal di tangan rakyat.

HENTIKAN PENYERTAAN MALAYSIA KE DALAM UPOV SEKARANG – LINDUNGI BENIH TANAMAN KITA, MAKANAN KITA, MASA DEPAN KITA

Nota:

Pada bulan September 2025, KPKM telah mengemukakan draf pindaan kepada Akta PNPV 2004 kepada Majlis UPOV untuk semakan, ini menunjukkan pihak KPKM mengutamakan penglibatan entiti asing dalam proses semakan undang-undang negara. Sepatutnya teks draf penuh ini dibincangkan bersama pihak tempatan di Malaysia terlebih dahulu.

Jadual berikut yang disediakan oleh Third World Network (TWN) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM), menunjukkan perbandingan dan penilaian peruntukan semasa Akta PNPV 2004 berbanding pindaan yang dicadangkan. Perlu diingatkan bahawa butiran pindaan yang dicadangkan ini telah diperoleh daripada laman web UPOV, dan bukannya dari mana-mana sumber rasmi tempatan Malaysia. Ini adalah sesuatu yang janggal dan tidak patut berlaku.

Semakan menyeluruh draf penuh ini menunjukkan bahawa pindaan Akta PNPV 2004 akan mewujudkan konflik dengan beberapa undang-undang sedia ada, termasuk Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 (ABS 2017), Akta Dadah Berbahaya 1952, Ordinan Pusat Biodiversiti Sarawak (Pindaan) 2025, dan Enakmen Biodiversiti Sabah 2000. Secara khusus, perubahan kepada Akta PNPV 2004 akan memberi kesan langsung kepada Akta ABS 2017, yang berpotensi membolehkan biopiracy berlaku.

Perbandingan Peruntukan Utama Dalam Akta PNPV 2004 Dan Draf Pindaan (Akta Semakan 20xx) boleh dibaca di link ini:

https://twm.my/title2/access/access_e/Comparison%20Table%20of%20Malaysian%20PNPV%20Act%202004%20and%20Draft%20Amendment.pdf

(ENGLISH)

STOP MALAYSIA'S ACCESSION TO UPOV NOW — PROTECT OUR SEEDS, OUR FOOD, OUR FUTURE

To the Government of Malaysia, Members of Parliament, and all Malaysians,

We, the undersigned — farmers, Indigenous peoples, consumers, civil society organisations, and concerned citizens — call upon the Government of Malaysia to halt the proposed amendment to the

Protection of New Plant Varieties Act 2004 (Act 634) that seeks to align Malaysia's law with the UPOV Convention.

Why must we say NO to UPOV 1991?

UPOV stands for the International Union for the Protection of New Varieties of Plants. It is based in Geneva, Switzerland, and was established in 1961 by European countries under the pressure of European seed corporations. UPOV is not part of the United Nations (UN) or the World Trade Organization (WTO).

Any country wishing to join UPOV must first submit its national Plant Variety Protection (PVP) law to the UPOV Secretariat for review. UPOV will then recommend amendments to make that law consistent with the UPOV 1991 Act.

This is the process currently being pursued by **Malaysia's Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM)**, which plans to table the amendment in Parliament in early 2026. Such action undermines parliamentary sovereignty and restricts Malaysia's policy space to safeguard national interests — including the rights of local farmers and the public at large.

UPOV uses a rigid legal template that must be followed, leaving countries with virtually no flexibility.

Key features of the UPOV 1991 Convention include:

- Extended monopoly rights (20–25 years) granted to plant breeders for new plant varieties that are “new, distinct, uniform and stable”, focusing mainly on uniformity.
- Severe restrictions on farmers' rights — farmers are not free to save, use, exchange, or sell seeds harvested from their own fields.
Seed saving is limited only to certain crops and may still require royalty payments.
- No provisions to protect public interest, such as restricting imports of protected new varieties to prevent market dumping or ensuring national laws remain mutually supportive.
- No mechanisms to prevent biopiracy — for instance, the use of local or indigenous varieties for breeding without community consent or fair benefit-sharing.

In summary, UPOV 1991 establishes a rigid legal framework that gives governments very little room to protect the interests of local farmers and the general public.

It grants **excessive rights to commercial breeders**, while restricting longstanding farmers' rights to save, reuse, exchange, and sell seeds from their own farms.

If Malaysia adopts UPOV 1991, it will:

- Criminalise the traditional and free exchange of seeds among farmers, Indigenous peoples, and communities;
- Undermine the role of smallholder farmers in conserving local biodiversity and crop diversity;
- Concentrate control over seeds — the very foundation of life — in the hands of a few corporations (monopoly);
- Increase seed prices, which in turn raises food prices; and

- Make healthy and affordable food less accessible to Malaysians, worsening food insecurity and public health.

Food is not a commodity — it is our right.

Seeds are the first link in our food chain. When control over seeds is lost, our food sovereignty, culture, and health are put at risk. Communities that have protected and shared seeds for generations must not be criminalised.

We believe Malaysia's current law must be maintained.

The existing PNPV Act 2004 is a **sui generis system** — a uniquely Malaysian framework that balances national and farmers' interests.

Its key strengths include:

- Recognition and protection of the contributions of farmers, local and Indigenous communities in developing new plant varieties. This means the law acknowledges farmer seed systems that do not fit the rigid commercial breeder criteria.
- Allows farmers to save, use, exchange, and sell seeds or propagating materials from their farms to other farmers when they have surplus, as long as it is not for commercial-scale purposes.
- Requires breeders to declare the genetic source or lineage of new varieties, with prior written consent from relevant stakeholders, in compliance with access, benefit-sharing, and biosafety laws — preventing biopiracy.
- Requires deposit of seed samples in Malaysia so that the government can make the variety available to the public under compulsory licensing if needed.
- Obliges breeders to set reasonable prices and ensure adequate supply of protected varieties.
- Empowers the government to reject registration of varieties that may be invasive, hazardous, or contrary to public interest.

The proposed amendment would remove these balanced protections and give broader monopoly rights to corporations and commercial breeders.

We therefore demand that:

1. The Government of Malaysia reject the UPOV 1991 model and halt the proposed amendment to the PNPV Act 2004 (Act 634);
2. Any future seed-related law or policy be developed through transparent and inclusive consultations with farmers, Indigenous communities, civil society, and consumers; and
3. The government improve Act 634 to make it more people-centred, promoting farmer seed systems, agroecology, and sustainable food production.

Our food, our seeds, our sovereignty.

Let us stand together to protect every Malaysian's right to healthy, affordable, and culturally meaningful food grown from seeds that remain in the hands of the people.

STOP MALAYSIA'S ACCESSION TO UPOV NOW — PROTECT OUR SEEDS, OUR FOOD, OUR FUTURE

Note:

In September 2025, the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) submitted a draft amendment of the PNPV Act 2004 to the UPOV Council for review — prioritising foreign involvement over domestic consultation. The full draft text should have first been discussed with Malaysian stakeholders.

A comparative table prepared by Third World Network (TWN) and the Malaysian Food Sovereignty Forum (FKMM) highlights key differences between the existing PNPV Act 2004 and the proposed amendments.

Alarming, details of the proposed amendments were obtained from UPOV's website, not from any official Malaysian source — a deeply concerning and irregular situation.

A full review of the draft reveals potential conflicts between the proposed amendments and several existing Malaysian laws, including the Access to Biological Resources and Benefit Sharing Act 2017 (ABS 2017), Dangerous Drugs Act 1952, Sarawak Biodiversity Centre (Amendment) Ordinance 2025, and Sabah Biodiversity Enactment 2000.

Specifically, the amendment could undermine the ABS 2017 Act, creating openings for biopiracy.

Read the full Comparison Table of Malaysia's PNPV Act 2004 and Draft Amendment here:



https://twon.my/title2/access/access_e/Comparison%20Table%20of%20Malaysian%20PNPV%20Act%202004%20and%20Draft%20Amendment.pdf